

# KekuatanMu Tuhan

by Goh Suzie

**D**i a  
duduk di atas lantai. Sese kali dia mengeluarkan bunyi yang amat memilukan seolah-olah menahan penderitaan fizikal atau mental dan mungkin emosinya. Er...er...er... Aku tidak dapat menahan daripada memandang ke arahnya apabila dia mengeluarkan bunyi sedemikian.

Bagaimana keluarganya menghadapi keadaan sebegini setiap hari??? Apabila dia mengeluarkan bunyi itu lagi, aku lihat bapanya dengan penuh kasih sayang mengusap kepalanya dan perlahan-lahan mengeluarkan sapu tangan di dalam kocek bajunya untuk mengesat air liur yang sudah mula meleleh. Bapanya tidak berasa malu untuk berbuat demikian di hadapan khalayak ramai.

Yang jelas aku lihat adalah kekuatan Tuhan yang ada pada diri bapa tersebut. Dia menerima hakikat bahawa itulah anugerah Tuhan kepadanya dan dia tidak segan silu membawa anaknya itu ke tempat orang ramai dan tidak malu untuk melayan anaknya yang memerlukan perhatian pada setiap masa.

Aku percaya bahawa dalam kehidupan kita sebagai seorang pendidik, sebenarnya kita juga ada 'anak-anak' seperti kanak-kanak istimewa tadi. Misalnya, pelajar yang terlalu aktif atau 'hyperactive', tidak boleh duduk diam dan sentiasa menimbulkan masalah di dalam kelas, mengganggu guru dan pelajar lain dan ada sahaja tindak-tanduk yang 'menyakitkan hati'.

Ada juga pelajar yang selalu ponteng dan kalau tidak ponteng pun, tidak mahu langsung menyiapkan tugas. Tiada buku, tiada alat menulis. Yang ada di dalam beg sekolah hanyalah sikat, cermin, majalah hiburan, 'VCD' atau 'CD' penyanyi dan pelakon popular, baju kemeja-T yang akan digunakan ketika ponteng sekolah atau sebaik sahaja loceng berbunyi tanda waktu persekolahan sudah tamat.

Ada juga pelajar perempuan yang semakin berani untuk merokok di kawasan sekolah, cara berpakaian seragam yang tidak senonoh dan ada juga yang berani membawa teman lelaki ke sekolah untuk memukul guru yang memarahinya atau mendendanya kerana membuat kesalahan.

Pelajar-pelajar yang pernah aku dekati dalam kerjaya sebagai seorang guru hampir sedekad ini, ramai yang menghadapi masalah emosi terutamanya akibat masalah keluarga. Ibu bapa yang tidak mempedulikan mereka sebaliknya hanya tahu mencari kekayaan, sentiasa memberi tekanan kepada anak-anak mereka agar mencapai kejayaan yang kadang-kadang di luar kemampuan mereka dan meninggalkan mereka kepada ahli keluarga yang lain seperti nenek atau datuk untuk keluar negara mencari rezeki.

Ada juga pelajar yang tidak dapat menerima hakikat hidup mereka yang kurang berada dan selalu berangan-angan mempunyai keluarga yang bahagia seperti yang digambarkan dalam novel atau filem/drama. Tidak kurang juga yang ternoda oleh bapa atau saudara terdekat dan menghadapi masalah emosi dan melepaskannya di sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa ada juga yang terjebak dengan perbuatan tidak sihat seperti pelacuran, bohsia atau berjudi dan merokok disebabkan pengaruh kawan.

Tambahan pula pada zaman kini, IT semakin canggih dan anak-anak tidak tahu membahagikan masa sebaliknya tertagih menghadap komputer atau 'play station', melayari laman internet dan duduk berjam-jam berkomunikasi melalui 'ICQ' atau 'chat-room' sehingga lupa tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar.

Sebagai seorang pendidik yang percaya kepada Tuhan Yesus Kristus, kita ada kelebihan iaitu kita boleh memohon agar Tuhan membekalkan kekuatan, kebijaksanaan dan kesabaran kepada kita seperti dalam ayat "Mintalah, maka akan diberikan kepadamu, carilah, maka kamu akan mendapat, ketuklah, maka pintu akan

dibukakan bagimu (Matius 7:7).

Kalau mengajar dalam kelas yang banyak pelajar masalah, kadang-kadang emosi kita juga terganggu. Kita secara tidak langsung hilang kegembiraan dan menjadikan keseluruhan kelas kita menjadi murung. Kita perlu mengawal kelas, kita perlu mengajar dan pada masa yang sama juga kita perlu memastikan sukatan pelajaran dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan.

Bagaimana kita dapat bergembira dan sentiasa dalam kegirangan dalam keadaan sedemikian??? Daud pernah menyeru kepada Tuhan - "Jadikanlah hatiku tahir, ya Tuhan, dan perbaharuilah batinku dengan roh yang teguh' (Mazmur 51:12). Tuhan adalah kekuatanku dan perisaiku, kepada-Nya hatiku percaya. Aku tertolong sebab itu beria-ria hatiku, dan dengan nyanyianku aku bersyukur kepadanya" (Mazmur 28:7).

Pernah seorang guru menegurku kerana aku dianggap terlalu tegas dan terlalu mengambil berat tentang pelajar bermasalah ini. Menurutny, aku akan hilang popularitiku dan tidak ada pelajar yang suka akan aku. Sememangnya aku tegas dan mengambil tindakan untuk memastikan pelajar-pelajar yang bermasalah turut membawa buku, membuat latihan dan mengikuti pelajaran dengan sebaik yang mungkin walaupun mereka bukan pelajar yang pandai. Aku tidak pernah menyingkirkan mereka dengan tidak memperdulikan mereka atau membiarkan mereka tidur.

Setakat ini, golongan ini cuba buat sebaik yang mungkin kalau mereka hadir dalam kelas aku. Kalau diperiksa beg mereka, dahulunya tidak pernah ada buku latihan atau buku teks, kini ada buku teks atau buku latihan yang aku suruh bawa. Selagi kita menunjukkan kita tidak menyingkirkan mereka, memberitahu kehendak dan cara pengajaran kita, mereka akan dapat menerima walaupun bukan dengan rela hati. Lama-kelamaan mereka akan cuba ikut dan kadang-kadang kita perlu sentiasa mengingatkan mereka apabila sikap lama berulang. Ini kerana golongan pelajar bermasalah ini sebenarnya amat memerlukan perhatian.

Dalam melaksanakan tanggungjawab lain, aku turut berpegang kepada prinsipku dan memastikan peraturan yang telah ditetapkan itu dituruti. Aku tidak menghukum pelajar sebarangan, sebaliknya memastikan bahawa setiap pelajar yang dikenakan tindakan tahu sebab dia dihukum atau dikenakan tindakan. Memang ada segolongan pelajar yang tidak suka dengan caraku sebab menghalang kebebasan mereka. Namun begitu, pelajar-pelajar lain yang sedar dengan tindak-tandukku lebih menghormatiku daripada guru yang bersikap 'tidak apa' atau sikap 'tutup sebelah mata'!!!

Setakat ini, aku pernah bertemu kembali pelajar yang pernah aku denda dan dikenakan tindakan. Mereka masih menegurku malah mengucapkan terima kasih kerana memarahi dan cuba membetulkan mereka suatu ketika dahulu. Ada juga yang menyatakan kekesalan mereka kerana tidak mendengar nasihat dahulu. Ada yang meminta maaf atas kesalahan mereka sebelum meninggalkan bangku sekolah.

Menjadi seorang guru lebih mudah daripada menjadi seorang pendidik. Adakah kita mahu menjadi seorang guru yang hanya menyampaikan ilmu pengetahuan, habis masa mengajar, keluar dari kelas dan balik apabila tamat masa bertugas atau kita sanggup menjadi pendidik yang mahu mendengar masalah mereka, cuba membantu mereka mengubah sikap yang tidak baik dan memberi peluang membetulkan kesilapan mereka?

Tuhan tidak meletak kita di sesebuah kelas atau ditugaskan mengajar seseorang pelajar secara kebetulan. Aku percaya bahawa kita ditempatkan di sesuatu tempat, di dalam sesebuah kelas atau berpeluang bertemu dengan seseorang pelajar / rakan sekerja sebab Tuhan ada 'tugas' yang mahu kita selesaikan.

Kita haruslah sentiasa berdiri teguh, bergiat selalu dalam pekerjaan Tuhan sebab kita tahu bahawa dalam persekutuan dengan Tuhan, jerih payah kita tidak sia-sia (1 Korintus 15:58). Selamat bertugas dengan meletakkan Tuhan Yesus dalam apa-apa juga yang kita hadapi.

